

Generasi muda perlu miliki personaliti unggul

BH-31/5/2007

Program Rakan Muda penting bagi pembangunan karektor remaja negara

PROGRAM Rakan Muda menemui sentuhan baru bermula dengan pelancarannya pada 29 Mei lalu yang menyaksikan tiga penambahan elemen baru di samping sembilan gaya hidup yang sedia ada. Perkembangan itu seiring dengan masa yang memerlukan pembabitan golongan muda dalam masyarakat. Ikuti temu bual bersama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said berhubung perkembangan Rakan Muda sejak diperkenalkan pada 1994 sehinggalah kepada pembaharuannya atau dikenali sebagai Fasa II.

Oleh Haryani Ngah

? BAGAIMANA Datuk melihat perkembangan dan prestasi Program Rakan Muda sejak dilancarkan pada tahun 1994 hingga kini?

Program Rakan Muda adalah satu program cukup penting bagi pembangunan karektor anak muda negara ini.

Bagaimanapun, suasananya tidak begitu menonjol sebagaimana pada tahun awal pelancarannya pada 1994. Perkara ini mungkin terjadi berikutan gerakan promosi begitu hebat dilakukan pada waktu itu dan ber-

jaya menarik lebih kurang satu juta anak muda di negara ini untuk mendaftar menyertai pelbagai kegiatannya dalam tempoh tiga bulan selepas pelancaran.

Namun demikian apa yang menyedihkan, pihak kita tidak mampu untuk memenuhi kehendak mereka yang mendaftar kerana banyak kekangan berlaku terutama soal kewangan dan pegawai, rakan kongsi dan sebagainya.

? Selepas 12 tahun dilancarkan dan mengalami suasana muram (jika boleh dikatakan de-



“ Pada pandangan kerajaan, Program Rakan Muda adalah satu program yang sangat penting dalam membina personaliti unggul anak muda kita”

mikian), adakah program ini masih lagi relevan dan menarik minat anak muda kita untuk turut serta?

Pada pandangan kerajaan, Program Rakan Muda adalah satu program yang sangat penting dalam membina personaliti unggul anak muda kita.

Kalau dulu rakan muda bergerak sebagai satu cawangan di bahagian pembangunan belia, tetapi mulai 2005 ia dinaikkan taraf menjadi satu bahagian yang diketuai oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah.

Perkembangan terbaru mula pertengahan tahun ini ialah se-

tiap Jabatan Belia dan Sukan Negeri diluluskan perjawatan Penolong Pengarah Rakan Muda dengan dibantu dua orang pegawai.

Pada peringkat daerah diluluskan jawatan seorang pegawai rakan muda daerah.

Di samping itu kerajaan juga meluluskan jawatan Penggerak Rakan Muda secara lantikan kontrak di semua kawasan Parlimen iaitu seramai 219 orang semuanya.

Perkembangan itu memperlihatkan bahawa kerajaan senti-

LIHAT MUKA 3

Program fasa baru bukti kematangan

DARI MUKA 2

asa memberi perhatian serius terhadap Program Rakan Muda.

? Pelancaran Program Rakan Muda Fasa II diadakan pada 29 Mei lalu dan apakah tujuan sebenarnya program itu diadakan?

Tujuan Program Rakan Muda Fasa II ialah untuk menunjukkan kepada rakyat Malaysia bahawa kerajaan memang serius terhadap perkembangan Program Rakan Muda.

Kita ingin memaklumkan bahawa program ini adalah satu program kerajaan yang sedang berkembang dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa sama ada program, kemudahan dan kepegawaian serta kewangan.

? Apa yang menarik dengan pelancaran itu?

Pelancaran logo adalah satu daripada perkara penting pada pelancaran Rakan Muda Fasa II. Pelancaran logo baru itu menandakan bahawa Program Rakan Muda memasuki fasa baru yang lebih matang dan akan bergerak seiringan dengan pembangunan negara menuju negara maju menjelang 2020.

Kita ingin mengumumkan kepada masyarakat Malaysia bahawa pelaksanaan Program Rakan Muda oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), adalah satu gerakan berterusan walau-

pun mengalami zaman pasang surut.

Kita ingin mengajak anak muda negara ini supaya terus menyokong Program Rakan Muda dengan mengambil peluang menyertai aktiviti yang dirancang di semua peringkat.

? Bentuk perubahan yang bakal berlaku dengan pelancaran logo baru Program Rakan Muda Fasa II?

Pertama logo utama akan ditukar, logo baru setiap aktiviti gaya hidup juga akan diperkenalkan di samping logo program juga akan diperkenalkan.

Jika dulu Program Rakan Muda mempunyai sembilan gaya hidup, tetapi fasa kedua ini gaya hidup disusun semula mengikut kesesuaian.

Gaya hidup yang masih dikekalkan ialah Rakan Masyarakat, Rakan Kecergasan, Rakan Cinta Alam, Rakan Wajadiri, Rakan Wirausaha (dulu dikenali sebagai Rakan Wirausaha dan Wiramahir), Rakan Seni Budaya dan Rakan Inovasi.

Gaya Hidup Sukan digugurkan dan Rakan Rekreasi digabungkan bersama Rakan Kecergasan. Pengubahsuaian itu dilakukan bagi mengelak berlakunya pertindihan antara gaya hidup dan mengekalkan gaya hidup yang diminati oleh anak muda di samping mengambil kira kerjasama yang akan berlaku antara KBS dan kementerian lain dalam melaksana-



“ Tujuan Program Rakan Muda Fasa II ialah untuk menunjukkan kepada rakyat Malaysia bahawa kerajaan memang serius terhadap perkembangan Program Rakan Muda”

kan Program Rakan Muda.

? Selain pertukaran logo, apakah lagi aspek fundamental yang akan berlaku di dalam Program Rakan Muda Fasa II itu?

Perubahan paling ketara dalam Fasa II ialah akan berlakunya satu transformasi yang beralih daripada fokus individu kepada fokus komuniti selaras dengan pendekatan 'Community Youth Development' dalam melaksanakan Program Rakan Muda. Dalam pendekatan itu kita bukan saja membangun aspek positif pembangunan belia itu sendiri di samping belia itu menyumbang kepada pembangunan masyarakat.



“ Kita bukan saja membangun aspek positif pembangunan belia itu sendiri di samping belia itu menyumbang kepada pembangunan masyarakat”